

TARIKH	20 / 2 / 2016 - 2017	SEKSYEN	BISNES
MUKA SURAT	23	RUANGAN	



TH jayakan agenda pemerkaasan Bumiputera

Kuala Lumpur: Pembabitan Lembaga Tabung Haji (TH) dalam program Skim Latihan 1Malaysia (SLIM), pemberian bantuan biasiswa kepada anak kakitangan TH yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara serta subsidi haji sebanyak RM200 juta antara inisiatif agensi pengurusan dana Islam terbesar negara dalam menjayakan agenda pemerkaasan Bumiputera.

Menerusi program SLIM, menyasarkan lebih 80 peratus graduan memperoleh pekerjaan selepas menamatkan latihan selama setahun di TH, termasuk di cawangan seuruh negara.

Daripada jumlah itu, 30 peratus pelatih berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh singkat sebaik sahaja menamatkan program latihan di TH, manakala bahiknya memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan hingga setahun.

Ambil graduan paling ramai program SLIM

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Badlisyah Abdul Ghani, berkata sehingga kini, TH antara syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang mengambil graduan paling ramai untuk mengikuti program SLIM.

Katanya, pembabitan dalam program SLIM sejak mula diperkenalkan adalah antara inisiatif TH dalam menjayakan agenda pemerkaasan Bumiputera bagi membolehkan graduan berupaya meningkatkan tahap kebolehpasaran atau keupayaan mendapat pekerjaan.

Tahun ini, TH akan mengambil 1,000 graduan untuk mengikuti program SLIM, meningkat berbanding lebih 900 graduan tahun lalu, manakala 500 graduan pada 2015 dan 2014 (224).

Sementara itu, Badlisyah berkata, oleh kerana majoriti umat Islam di negara ini adalah Bumiputera, pembayaran zakat kiranya RM60 juta setahun juga menjadi sebuah daripada agenda pemerkaasan Bumiputera di TH.

Beliau berkata, TH adalah antara pembayar zakat terbesar di negara ini dengan pembayaran dibuat kepada setiap negeri.

"TH bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk memastikan zakat disalurkan terus kepada Muslim Bumiputera yang berkelayakan," katanya.

Katanya, TH turut menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbesar di negara ini apabila menyediakan subsidi haji setiap tahun dan tahun ini sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk tujuan itu dengan separuh daripada kos haji ditanggung TH.

Subsidi haji, katanya juga antara agenda pemerkaasan Bumiputera TH dengan membantu umat Islam yang kebanyakan Bumiputera dalam melaksanakan ibadah haji yang memberi kesan amat tinggi terhadap keupayaan kewangan jemaah haji.

Di samping itu, dalam usaha memantapkan agenda pemerkaasan Bumiputera, bermula tahun ini TH akan melancarkan skim bantuan biasiswa kepada anak pendektor bagi melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Sebagai sebuah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), TH mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk menyokong kerajaan dalam agenda pemerkaasan serta transformasi Bumiputera di negara ini."

- **Badlisyah Abdul Ghani,**
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif TH



Komitmen TH bantu usahawan Bumiputera

➔ Pembiayaan menerusi Dana Bumiputera Al-Ansar majukan syarikat lebih berdaya saing

Oleh Nazura Ngah dan Shahrizan Saliyan
bhnews@bh.com.my

Lembaga Tabung Haji (TH) sudah membantu sehingga 591 syarikat Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan masing-masing di dalam pelbagai sektor, sebagai inisiatif memperkasakan agenda Bumiputera.

Ia membabitkan syarikat Bumiputera yang memperoleh pembiayaan menerusi Dana Bumiputera Al-Ansar sejak dilancarkan pada 2015 dan juga syarikat Bumiputera yang menerima pelaburan ekuiti lang-

sung daripada TH.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Badlisyah Abdul Ghani, berkata sebagai sebuah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), TH mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk menyokong kerajaan dalam agenda pemerkaasan serta transformasi Bumiputera di negara ini.

Berikut itu, beliau berkata selain terbabit dalam bidang pengurusan haji dan dana pendeposit, TH juga mempunyai dana yang diperuntukkan khas kepada usahawan Bumiputera yang mahu membangun dan membessarkan syarikat ke tahap lebih besar.

Pembiayaan 587 syarikat Bumiputera

"Bagi Dana Bumiputera Al-Ansar, TH sudah menyentulkan pembiayaan kepada 587 syarikat Bumiputera yang terbabit dalam pelbagai industri seperti pembinaan, minyak dan gas, peruncitan, barang pengguna, telekomunikasi, pengeluaran halal, pengangkutan, kesihatan, perkhidmatan, pendidikan, hospitaliti dan seasia tani. "Bagi pelaburan ekuiti lang-

sung pula, TH sudah melabur di dalam empat syarikat yang mana dua terbabit dalam bidang perternakan ayam serta masing-masing syarikat yang berada dalam industri pengeluaran cat dan reka bentuk dalam. TH bercadang melabur di dalam dua lagi syarikat pada tahun ini.

"Semua syarikat Bumiputera itu adalah antara syarikat yang mencapai kemajuan di dalam bidang masing-masing," katanya dalam temu bual bersama akhbar kumpulan The New Straits Times Press (MNSTP) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Badlisyah berkata, Dana Bumiputera Al-Ansar mempunyai saiz sebesar RM200 juta yang menyaksikan sebanyak RM175 juta sudah disalurkan kepada syarikat Bumiputera yang laiyak setakat Disember lalu.

"Dana ini disediakan untuk tempoh lima tahun, yang bermakna syarikat yang memperoleh pembiayaan sejak 2015 akan mempunyai tempoh (kontrak) lebih panjang. Jika ada syarikat yang mahu mendapatkan baki pembiayaan sebanyak RM25 juta lagi, tempoh

pembiayaan adalah antara satu hingga tiga tahun," katanya.

Pelaburan ekuiti langsung
Bagi pelaburan ekuiti langsung pula, beliau berkata TH mempunyai dana sebanyak RM50 juta bagi tujuan itu dan pelaburannya di dalam empat syarikat tahun ini adalah berjumlah RM4 juta.

Pelaburan ekuiti langsung itu, katanya adalah di dalam syarikat 100 peratus milik Bumiputera yang menjalankan perniagaan patuh syariah, beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun dan menunjukkan prestasi yang memuaskan.

"Pelaburan yang TH laksanakan adalah melalui saham biasa atau saham keutamaan. Paling mustahak, syarikat terbabit mestilah menunjukkan minat yang tinggi untuk mengembangkan perniagaan," katanya.

Badlisyah berkata, TH juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amanah Rakyat (MAR), Yayasan Wakaf Malaysia dan sebagainya bagi merintis pembangunan agenda Bumiputera.